

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 25 RABU 21HB. JUN 1972 1392 رايو 9 جمادي الاول PERCHUMA

BELIA2 "MENGANGGOR" DI-NASEHATKAN BERSEDIA TERIMA SA-BARANG PEKERJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 yang menganggor telah di-nasehatkan supaya bersedia menerima tawaran2 bekerja dalam sharikat2 perusahaan dan perniagaan serta pemborong2 yang berkehendakkan pekerja2 di-negeri ini.

Bagitu juga kepada kaum perempuan yang mendaftar di-Pejabat Buroh untuk mendapatkan pekerjaan sa-bagai amah hospital, tukang2 masak di-sekolah2 dan maktab2 telah nasehatkan supaya bersedia menerima pekerjaan2 sa-bagai amah di-rumah2 persendirian.

Kedua2 gulungan yang mahu pekerjaan itu perlu-lah mengubah sikap dari memusatkan perhatian kepada lapangan2 pekerjaan dengan Kerajaan kepada lapangan2 yang bukan Kerajaan.

Nasehat itu telah di-berikan oleh Pesurohjaya Buroh, Awg. Md. Ali bin Haji Awang Besar ketika berucap di-pembukaan Meshuarat Agong Kesatuan Sekerja Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei pada hari Ahad lepas di-Dewan Asrama Jururawat di-Bandar Seri Begawan.

Beliau menyatakan bahawa ada-lah menjadi keraguan kedua2 gulungan yang berkehendakkan pekerjaan itu apabila di-tawarkan untuk bekerja di-sharikat2 perniagaan dan perusahaan serta kontrek2 dan sa-bagai amah di-rumah2 persendirian dengan alasan2 yang tidak munasabah.

Beliau menyeru mereka supaya akan mengubah sikap dan berfikir lebih jauh yang berdasarkan kepada keadaan sekarang ini.

"Sa kira-nya mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan2 sekarang ini, maka barang sudah tentu peluang2 itu akan di-penuhi oleh orang2 yang bukan rakyat negeri ini", tegas beliau.



Pesurohjaya Buroh, Awang Md. Ali bin Haji Awang Besar.

Ini, kata-nya, ada-lah kerugian bagi kita kerana hak itu tidak dapat di-salurkan dengan sa-mestinya kepada anak2 tempatan, tetapi sa-balek-nya di-kechop oleh orang2 asing.

Menurut beliau bahawa perkara ini tidak-lah dapat di-salahkan kepada Kerajaan, tetapi hendak-lah kita fikirkan bersama2 jika kita ingin menandingi lain2 bangsa di-negeri kita yang inginkan kemajuan dalam segala bidang ini.

Selanjut-nya beliau menyeru belia2 supaya akan dapat memberikan perkhidmatan mereka bagi menyahut seruan Kerajaan pada memasuki apa jua jenis pekerjaan tanpa menghiraukan penat-lelah, tetapi apa yang di-kehendaki ialah ilmu pengetahuan dan kepandaian.

Kapada penuntut2 yang gagal dalam peperiksaan2 sekolah2, beliau menasehatkan mereka supaya menyambung belajar dalam kelas2 petang yang di-adakan oleh Kerajaan sama ada dalam aliran Melayu atau Inggeris atau dalam mata2 pelajaran kejuruan seperti jurutaip, jurutrenkas dan lain2 lagi.

(Lihat muka 8)

Majalah Belia sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kebajikan Masyarakat telah menerbitkan 'Majalah Belia' keluaran ke-empat. Majalah itu mengandungi semua kegiatan Persatuan2 Belia dan Kebajikan di-negeri ini sa-panjang tahun 1971.

Majalah Belia itu akan di-bahagikan kepada semua Pesatuan2 Belia dan Kebajikan dengan per-chuma.

Setia Usaha Persatuan2 Belia

3,894 orang chalun S.R.P. tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,894 orang chalun akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Rendah Persekolahan tahun ini.

Sa-ramai 1,932 orang chalun akan mengambil peperiksaan dalam aliran Inggeris dan 1,962 orang memasuki peperiksaan dalam aliran Melayu.

Terdapat dua puluh tujuh buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri — empat belas di-Daerah Brunei-Muara, tiga di-Daerah Tutong, lima di-Seria empat di-Daerah Belait dan sa-buah di-Daerah Temburong.

Pechahan bilangan chalun2 di-tiap2 daerah ia-lah 2,267 orang di-Daerah Brunei-Muara, 450 orang di-Daerah Tutong, 660 orang di-Seria, 408 orang di-Kuala Belait dan 109 di-Temburong.

dan Kebajikan atau wakil mereka ada-lah di-minta hadir ka-Pejabat Kebajikan Masyarakat di-Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 26hb. Jun ini waktu pejabat di-buka untuk mendapatkan majalah tersebut.

Mereka boleh-lah berhubung kapada Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamad Daud atau Pegawai Luar Belia, Awang Abdul Wahab bin Tengah.

Jawatan2 pakar dan teknikal tidak akan di-penuhi tanpa pengalaman dan kelayakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Memandang kapada tanggung-jawab Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang makin bertambah, maka sudah tentu kaki-tangan yang berkelayakan dan berkemahiran serta berpengalaman akan bertambah2 di-kehendaki.

Demikian menurut Setiausaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah dalam ucapan-nya di-pembukaan Meshuarat Agong Kesatuan Sekerja jabatan itu pada hari Ahad lepas yang berlangsung di-Dewan Asrama Jururawat di-Bandar Seri Begawan.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, kata-nya, telah pun berkali2 memberikan peluang kepada anak2 dan pegawai2 tempatan untuk melanjutkan pelajaran sama ada sa-chara berkursus di-institusi2 di-seberang laut atau pun belajar sambil memerhati chara2 chawangan kesihatan menjalankan dan mengotor perkhidmatan.

Awang Chuchu mengingatkan ahli2 kesatuan dan kaki-tangan jabatan itu yang mempunyai kemahuan untuk memperbaiki diri sendiri supaya memberikan perkhidmatan2 yang jujur sambil berusaha belajar bersungguh2, bukan saja untuk mengisi jawatan2 yang kosong, tetapi juga bagi memperbaiki urusan2 serta rawatan2 yang di-berikan kepada penduduk2 negeri ini.

Awang Chuchu menekankan bahawa jawatan2 pakar dan teknikal tidak-lah dapat di-isikan, jika tidak mempunyai pengalaman dan kelayakan yang mustahak untuk memberikan perkhidmatan khas di-segi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Menyebut mengenai kemajuan perkhidmatan jabatan itu, Awang Chuchu menyatakan bahawa pada beberapa tahun yang lalu, jabatan itu tidak mempunyai sa-orang doktor pun yang terdiri dari anak2 tempatan, tetapi masa ini telah mempunyai tujuh orang doktor

(Lihat muka 8)

\$1,500 UTK. HADIAH2 PERTUNJOKKAN BUNGA2 HIDUP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Wang tunai sa-banyak \$1,500 telah di-untukkan bagi hadiah2 kepada pemenang2 dalam Pertunjokkan Bunga2 Hidup ia-itu salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Pertunjokkan ini di-kelolakan oleh Pertubuhan Perempuan Brunei dengan ajoran Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M.

Sa-orang juruchakap W.I., menyatakan bahawa tujuan mengadakan pertunjokkan itu ia-lah memberikan galakan kepada penanam bunga2 dan bunga okid di-negeri ini, di-samping memberi peluang kepada orang ramai menilai keindahan bunga2 dan okid tempatan.

"Menanam bunga2 dan okid bukan sahaja mengindahkan rumah2 tangga bahkan satu pasaran untuk perniagaan," kata beliau.

Jawatankuasa yang telah ditubuhkan ada-lah terdiri dari ahli2 W.I. dan kaki-tangan pejabat2 kerajaan, Dayang Masni binte Haji Ali telah di-pilih sa-bagai Pengerusi Pertunjokkan Bunga2 Hidup itu.

Pertunjokkan itu terbuka kepada orang ramai dan pokok2 bunga hendak-lah di-tanam dan di-pelihara di-Brunei. Pokok2 bunga hidup dan okid untuk di-petunjokkan akan di-terima pada 13hb. Julai pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.00 petang hingga 9.00 malam. Manakala penerimaan gubahan dari bunga hidup akan di-terima pada 14hb. Julai dari jam 6.00 hingga 8.00 pagi. Tiap2 bahagian dan jenis akan di-hadiahkan dengan wang tunai.

Pengerusi Pertunjokkan menyeru orang ramai supaya memberi kerjasama untuk menjayakan petunjokkan tersebut.

Beliau berkata, peserta2 yang menghendaki kenderaan untuk membawa pasu2 bunga mereka hendak-lah berhubung dengan Awang Hamid Ja'afar, Pejabat Pertanian dan Dayang Marhani binte Abdul Latif, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bandar Seri Begawan.

Pertunjokkan itu di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Datin Rosnah Isa, isteri Penasehat Umum Kerajaan D.Y.M.M. Al-Sultan pada 14hb. Julai, jam 10.00 pagi dan sa-terus-nya akan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.

Peraduan kereta, basikal berhias dan perarakan tanglong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan2 kereta dan basikal berhias dan perarakan tanglong ada-lah merupakan sa-bahagian daripada perayaan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Bandar Seri Begawan bulan depan.

Perarakan itu akan di-adakan pada 16hb. Julai.

Peraduan2 kereta dan basikal berhias, dan tanglong ada-lah ter-

Pendaftaran di-tutup 30hb. Jun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran masoh menjalankan pendaftaran bagi kanak2 baru untuk masuk ka-sekolah2 Melayu di-negeri ini pada tahun 1973.

Pendaftaran itu di-mulakan dalam bulan Mach akan di-tutup pada 30hb. Jun ini.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, pendaftaran itu ia-lah bagi kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1hb. Januari 1968.

Beliau menasehatkan ibu bapa2 atau penjaga2 yang akan menghantar anak2 mereka ka-sekolah tahun depan hendak-lah mendaftarkan nama anak2 mereka kepada guru2 besar sekolah2 Melayu Melayu yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka itu.

Kanak2 yang telah di-daftarkan itu akan masuk sekolah dua minggu sa-telah sekolah2 itu di-buka bagi panggal pertama tahun depan.

buka kepada jabatan2 kerajaan, persatuan2, kampung2, sekolah2 dan orang2 persendirian.

Borang2 masuk untuk menyertai peraduan2 itu boleh di-dapati daripada Pengerusi Peraduan itu, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, Perkhidmatan Perubatan, Bandar Seri Begawan atau dari Setia Usaha Peraduan itu, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit, di-alamatkan Pejabat Penerimaan, Bandar Seri Begawan.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan tidak lewat daripada 6hb. Julai, 1972.



GAMBAR di-atas ada-lah Pemenang2 Peraduan Menaip yang di-anjorkan oleh Jabatan Bahagian Pelajaran Dewasa, Brunei baru2 ini.

Sa-lain daripada memenangi beberapa buah piala hadiah daripada beberapa orang perseorangan dan Jabatan Pelajaran, mereka juga telah berjaya memenangi Mesin Taip yang di-hadiahkan oleh Sharikat Oliveti Singapura melalui wakil khas-nya Star Trading & Printing Ltd., Brunei.

Pengenal gambar dari kiri: Dy. Boche bte. Yahya berjaya dalam Perengkat Tertinggi; Dk. Norlela bte. Pg. Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh berjaya dalam Perengkat Menengah dan Awang Anuar bin Tengah berjaya dalam Perengkat Permulaan.

26 orang sertai perlawanan silat dan kuntau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 26 orang akan mengambil bahagian dalam perlawanan Silat dan Kuntau, bagi Daerah Brunei-Muara, yang akan di-adakan pada 23hb. dan 24hb. Jun, mulai pukul 7.30 malam.

Perlawanan itu ada-lah di-anjorkan sa-bagai sa-bahagian dari rancangan untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-26 dalam bulan depan.

Sa-ramai 14 orang akan bertanding dalam perlawanan Silat, dan 12 orang dalam perlawanan Kuntau.

Tiga orang yang lain akan menujukkan kepandaian mereka dalam silat dan kuntau dalam perlawanan2 pertunjokkan.

Pemenang2 dalam perlawanan itu akan mewakili Daerah Brunei-Muara dalam perlawanan akhir seluruh negeri yang akan di-adakan dalam bulan depan.

260 orang chalun masuk pereksa trengkas, menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 260 orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 dalam aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Julai tahun ini.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia akan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sa-ramai 107 orang chalun akan mengambil peperiksaan menaip dalam aliran Melayu bagi perengkat menengah dan enam orang bagi perengkat tertinggi.

Lapan orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas lanjutan dalam aliran Melayu.

Enam belas orang chalun akan mengambil peperiksaan dalam aliran Inggeris bagi perengkat menengah.

Empat puluh dua orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas dalam aliran Melayu bagi perengkat menengah dan dua orang bagi perengkat tertinggi.

Tujuh orang chalun akan mengambil peperiksaan trengkas dalam aliran Inggeris bagi perengkat menengah.

Hanya dua orang chalun sahaja akan mengambil peperiksaan ilmu menyimpan buku kira2 dalam aliran Inggeris bagi perengkat menengah.

Pusat2 peperiksaan ia-lah di-Maktab SOAS, Sekolah Melayu Pusu Ulak, Sekolah Menengah SMJA di-Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Peperiksaan itu akan di-adakan sa-lama enam hari dari 24hb. Julai mulai pukul 9.00 pagi.

Bekalan letrik di-perluas

TEMBURONG. — Jabatan Letrik telah meluaskan bekalan letrik ka-Kampung Puni di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Letrik berkata, bekalan tenaga letrik telah di-berikan buat pertama kali-nya kepada penduduk2 di-sepanjang jalan besar berikutan siap-nya kerja yang telah di-jalankan oleh Jabatan itu.

Juruchakap itu berkata, bekalan tenaga letrik sekarang boleh di-bekalkan ka-rumah2 di-sepanjang jalan besar di-ka-wasan itu.

TITAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-upachara merasmikan pembukaan Pangkalan Minyak di-Seria antara lain berbunyi:

"Kerajaan Beta akan senantiasa menawarkan segala dorongan dan mengadakan segala kemudahan2 supaya banyak lagi sharikat2 tempatan dan sharikat2 dari negeri yang baik akan membangunkan perusahaan2 mereka di-segala lapangan ekonomi negeri ini".

Titah baginda itu ada-lah membayangkan keazaman kerajaan baginda untuk memperbayangkan lagi pembangunan di-bidang perusahaan dalam segala lapangan ekonomi negeri ini. Langkah yang akan di-usahakan itu patutlah di-sambut dengan dada terbuka oleh raayat dan penduduk negeri ini terutama sekali oleh belia2 yang semakin ramai tiada mempunyai pekerjaan. Telah selalu benar kita mendengar seruan2 yang telah di-buat oleh beberapa orang pegawai2 tinggi kerajaan Duli Yang Maha Mulia mengenai penting-nya penyertaan anak2 tempatan di-dalam lapangan pekerjaan yang bukan dengan kerajaan, umpama-nya baru2 ini Pesuruhjaya Buruh telah menyeru sharikat2 perdagangan dan perniagaan di-negeri ini supaya memberikan peluang2 yang luas kepada anak2 tempatan yang berkelulusan aliran Melayu untuk bekerja di-tempat2 mereka. Be-

TUMPUKAN PERHATIAN KAPADA LAPANGAN BEKERJA YANG BUKAN KERAJAAN



KHUTBAH JUMA'AT

liau telah juga menyeru supaya sharikat perdagangan dan perniagaan itu mengadakan skem khas yang membolehkan anak2 tempatan itu bekerja dengan mereka.

Bagitu juga Yang Berhor-

"Perubahan nasib sa-suatu bangsa itu ada-lah terletak kapada sikap dan daya usaha bangsa itu sendiri"

mat Awang Haji Abdul Aziz telah juga menyeru kapada sektor2 persendirian di-negeri ini supaya menghapuskan segala jenis daleh dan alasan yang tidak munasabah yang di-tujukan untuk mengelak

pengambilan bekerja raayat negeri ini.

Di-samping perluasan bidang2 perusahaan dan peluang2 pekerjaan di-dalam sharikat2 perniagaan dan perdagangan itu, maka anak2

daya usaha bangsa itu sendiri. Hal ini pernah di-jelaskan oleh Allah Subhanahu-wataala menerusi firman-Nya di-dalam ayat 11 Suratul-ra'adi yang bermaksud:

"Sesungguh-nya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sa-suatu kaum itu hinggalah mereka itu sendiri mengubah apa yang ada pada mereka".

Dengan ini jelas-lah kapada kita bahawa sa-barang perubahan bagi sa-suatu kaum atau bangsa itu ada-lah terletak kapada sikap dan daya usaha sa-suatu kaum atau bangsa itu sendiri. Ke-enggan-an sa-bahagian besar anak2 tempatan mencheborkan diri dalam lapangan pekerjaan yang bukan dengan kerajaan bukan hanya menyebabkan bertumbuh-nya penganggoran tetapi juga akan turut melambatkan perkembangan sosial dan ekonomi negeri ini.

Oleh yang demikian adalah di-serukan kapada anak2 tempatan khas-nya umat Islam di-negeri ini supaya jangan-lah terlalu memilih pekerjaan dengan kerajaan sa-mata2, tetapi hendak-lah juga mengambil peluang bekerja di-sharikat2 perdagangan dan perniagaan atau lain2 pekerjaan yang halal dan mendatangkan faedah dan kebajikan, supaya dengan demikian kita bukan hanya berusaha mengurangkan penganggoran tetapi juga untuk memperluaskan penyertaan kita di-dalam berbagai2 lapangan ekonomi negeri ini.

Peraduan membacha Quran Sekolah2 Ugama Sa-negeri pada 20hb. Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah jawatankuasa tertinggi Peraduan Membacha Al-Quran dan Sharahan Ugama bagi Sekolah2 Ugama Sa-negeri telah di-bentok baru2 ini.

Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin telah di-lantek menjadi Penaong dan Penasehat jawatankuasa itu.

Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Penguasa Pelajaran Ugama telah di-lantek sa-bagai Pengerusi sementara Awg. Haji Hashim bin Haji Tahir di-lantek sa-bagai timbalannya.

Awang Abd. Rahman bin Khatib Abdullah, Penolong Penguasa Pelajaran Ugama di-lantek sa-bagai Setia Usaha dan Awang Mahali bin Haji Abdul di-lantek sa-bagai Penolong Setia Usaha.

Sa-belas orang juga telah dilantek sa-bagai ahli jawatankuasa.

Peraduan Membacha Al-Quran dan Sharahan itu akan di-adakan di-Lagoon Mesjid

Omar Ali Saifuddin pada 20hb. Julai dan ia-nya di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26.

Sa-ramai 16 orang peserta yang mewakili Daerah Brunei-Muara, Belait, Temburong dan Tutong akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Peserta2 itu telah di-pilih dalam peraduan peringkat daerah yang telah di-adakan baru2 ini.

Pasar ria

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait akan mengadakan temasha pasar ria di-Gelanggang Sukan Seria pada 28hb. Julai hadapan.

Pasar ria yang akan di-adakan sa-lama enam hari itu ialah untuk memungut derma bagi majlis itu.

Majlis itu juga akan mengadakan jualan murah bertempat di-Dewan Pusat Belia Kuala Belait pada 1hb. Julai.

tempatan negeri ini patut-lah juga mengubah sikap dan membuat daya usaha yang sesuai untuk memasoki lapangan pekerjaan yang bukan samata2 dengan kerajaan. Sa-lagi anak2 tempatan maseh bersikap hanya sa-mata2 memikirkan untuk bekerja dengan kerajaan dan sa-lagi daya usaha tidak di-buat untuk melayakkan diri masing2 bagi membolehkan bekerja dalam bidang2 perusahaan, perniagaan dan perdagangan, maka ada-lah di-khuatirkan bahawa peluang2 dan kemudahan2 yang akan di-bukakan itu akan hanya di-penohi oleh orang2 yang bukan anak tempatan.

Sa-benar-nya perubahan nasib sa-suatu bangsa itu adalah terletak kapada sikap dan

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21hb. Jun. 1972 hingga ka-hari Selasa 27hb. Jun, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
21hb. Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
22hb. Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
23hb. Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
24hb. Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
25hb. Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
26hb. Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
27hb. Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

21hb. Jun, 1972.

BERKHIDMAT DAN BERJASA

SETIAUSAHA Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Chucho bin Penglima Asgar Haji Abdullah baru2 ini telah menasihatkan kaki-tangan jabatan itu terutama di-kalangan yang mempunyai kemahuan untuk memperbaiki diri sendiri supaya memberikan perkhidmatan yang jujur dan belajar-lah lagi serta berusaha dengan bersungguh2, yang tujuan-nya tidak hanya bagi mengisi-jawatan2 yang kosong, tetapi juga bagi memperbaiki urusan2 serta rawatan2 yang kita berikan kepada penduduk2 negeri ini.

Nasehat beliau itu ada baiknya juga di-renungkan oleh kaki-tangan di-jabatan2 yang lain, khusus-nya yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat yang dewasa ini memerlukan bimbingan yang wajar dan lurus sesuai dengan pembangunan sekarang.

Pegawai2 dan kaki-tangan yang mempunyai kemahuan untuk memperbaiki diri sendiri itu ada-lah memang kena pada tempat-nya dan amat bersesuaian dengan apa yang di-katakan perlumbaan hidup di-zaman ini. Semua orang akan mengalah2kan sikap untuk memperbaiki diri sendiri itu sama ada dengan cara menambahkan ilmu pengetahuan dari lapangan pekerjaan mahu pun dalam bidang2 yang lain. Sikap yang demikian ada-lah sikap raayat yang bersemangat pembangunan dan semangat untuk menyambangi tuntutan zaman di-mana perkhidmatan yang di-katakan semata2 untuk raayat dan negara itu akan dapat di-chapai dengan sempurna. Dan ada-lah perkara yang biasa bahawa jika sa-saorang itu berkehendakkan kenaikan pangkat, maka perlu-lah ia belajar bersungguh2 untuk mendapatkan kelayakan2 yang perlu dan pengalaman2 yang di-kehendaki.

Memenuhi jawatan2 yang kosong yang di-chita2kan itu biar-lah benar2 sa-iring dengan kelayakan kita yang dapat dilihat dan di-praktikkan dalam tugas2 yang kita laksanakan. Tugas yang kita pegang hendak-lah di-kerjakan dengan jaya-nya dan tugas itu harus-lah di-puok dengan sa-baik2-nya dan jika mungkin tidak sa-dikit pun mendapat kechachatan-nya, bahkan memuaskan hati pehak ketua2 jabatan.

Tetapi, kalau kita berkemahuan untuk memperbaiki diri sendiri bagi mencapai kedudukan yang lebih baik atau kenaikan pangkat, sedangkan tugas yang kita pegang sekarang ini tidak di-tadbirkan dengan sa-baik2-nya, maka kemahuan itu tidak layak di-panggil sa-bagai satu kemahuan yang sa-benar-nya.

Ada-lah mustahil untuk menaikkan pangkat sa-saorang, jika kelayakan2 dan pengalamannya bekerja ternyata tidak memuaskan.

Sa-bagai sa-buah negara yang ingin membangun dan sedang pun menempoh proses2 pembangunan sekarang ini, maka perlu-lah kita mensejajarkan kemampuan kita dengan kehendak2 pembangunan itu.



Pakar2 Muzium dari Filipina yang melawat Muzium Brunei pada tahun lepas, bersama2 dengan Kurator Muzium, P.M. Sharifuddin, di-Dewan Pameran Satu.

Tuan Yang Terutama Awang Malcolm McDonald, bekas Pesuruhjaya Agong British bagi Asia Tenggara, ketika melawat Muzium Brunei. Beliau di-iringi oleh Penasehat Umum dibawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Y.B. Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa, Awang J.L. Firth, Pesuruhjaya Kemajuan, Kurator P.M. Sharifuddin dan Penolong Kurator Awang Lim Jock Seng.



Penuntut2 ketika berada di-Dewan Pameran Satu dan mendengar arahan yang di-berikan oleh salah sa-orang pegawai Muzium.



Pelawat2 sedang memerhatikan gambar2 mengenai perusahaan membahagian Rumah2 Asli.

MUZIUM BRUNEI DAN PERKEMBANGAN-NYA



Penuntut2 sedang berkumpul di-hadapan kounter tempat menjual buku2 panduan dan journal2 di-awasi oleh dua orang Attendan Dewan Kanan.

LAWATAN KA-MUZIUM BRUNEI

SAPERTI yang telah di-terangkan bahawa sejak pembukaan rasmi Muzium Brunei pada 29hb. Februari, 1972, lebih dari 60,000.00 orang telah melawat ka-Muzium itu. Ini tidak-lah termasuk lawatan2 dari beberapa orang kenamaan, dan pakar2 Muzium luar negeri. Kebanyakan para pelawat itu memuji akan keindahan bangunan Muzium dengan susunan pameran yang begitu teratur serta mempunyai kumpulan barang2 yang sungguh di-banggakan. Mereka juga berpendapat bahawa Muzium Brunei telah berkembang dengan pesat-nya dalam jangka waktu yang singkat dan Muzium Brunei akan menjadi salah sa-buah Muzium yang agong di-dunia dengan jenis kumpulan barang2 yang tersendiri.

Antara pelawat2 luar negeri yang pernah mengunjungi Muzium Brunei ia-lah sa-kumpulan ahli2 etnologi dari Spain. Dalam bulan April, 1971 sa-ramai 7 orang pakar Muzium Filipina telah melawat dan melihat perkembangan Muzium Brunei. Mereka ini ada-lah dalam perjalanan ka-muzium2 Asia Tenggara atas tajuk "Simposium Pengambaran mengenai perkembangan Muzium" dan di-biayai oleh Yayasan Ford. Dalam penyertaan yang di-buat oleh Ketua rombongan itu ada menyebutkan bahawa perkembangan2 dan penerangan2 mengenai Muzium Brunei di-buat panjang dari yang lain.

Tuan Yang Terutama Awang Malcolm McDonald, bekas Pesuruhjaya Agong British bagi Asia Tenggara telah juga mengadakan kunjungan ka-Muzium Brunei. Sa-lain dari lawatan2 dari kumpulan pelajar2 serta dari persatuan2 di-negeri ini. Kumpulan2 ini selalu-nya di-pandu dan di-beri penerangan oleh pegawai2 Muzium. Ini memang-lah kena pada tempat-nya bahawa menurut konsep sekarang ini Muzium bukan-lah setakat mempamerkan barang2 purba, malah lebih jauh dari itu ia-lah tempat untuk belajar di-mana perkara2 yang di-pamerkan di-Muzium tidak terdapat di-sekolah2 atau maktab2.

Dalam perkara ini, Kurator Muzium Brunei P.M. Sharifuddin ingin menarik perhatian kepada Pengetua2, Guru2 Besar atau Guru2 pengawas yang ingin membawa kumpulan murid2 melawat ka-Muzium Brunei pada waktu2 yang di-tetapkan dengan tidak payah meminta kebenaran. "Andai-nya kumpulan2 itu mengkehendaki pegawai pemandu dalam lawatan itu, maka mereka hendak-lah menulis kepada Kurator sekurang2-nya sa-minggu sa-belum lawatan," kata beliau.

Beliau berkata lagi bahawa ada-lah elok juga sekira-nya pengetua atau guru2 besar memberi tahu darjah atau tingkatan kumpulan yang melawat itu serta perkara2 pelajaran yang hendak di-ketahui. Kurator Muzium meminta supaya

sa-lah lawatan jangan-lah supabeh dari 60 orang demi untuk memudahkan pegawai2 Muzium Brunei.

Dalam lawatan ka-Muzium Brunei, pelawat2 biasa-nya di-bawa dahulu ka-bilik sharahan sa-belum melihat pameran2. Di-sini pegawai2 pandu biasa-nya akan mengelaskan sa-chara ringkas sejarah Muzium Brunei dari sejak ia-nya tumbuh, menerangkan apakah tugas Muzium sa-chara keseluruhan-nya dan apakah yang di-pamerkan oleh Muzium Brunei. Dengan ini para pelawat tentu-lah akan dapat memahami kedudukan Muzium Brunei dalam masyarakat. Soalan2 selalu-nya di-kemukakan sa-lepas sharahan2 pendek itu.

Dalam pada itu sejak Muzium Brunei di-buka kepada orang ramai pehak Muzium Brunei tidak-lah juga lari dari menerima kritik2 yang keseluruhan-nya membena demi untuk kebaikan Muzium Brunei. Pehak Muzium Brunei mengemukakan terima kasih atas pendapat2 itu.

Jadual Lawatan:
Isnin — Tutup
Selasa — Ahad — 10.00 pagi — 5.00 petang
Jumaat — 9.30 pagi — 11.30 pagi — 2.00 petang — 6.00 petang.



Sa-orang pegawai Muzium sedang memberi penerangan kepada salah satu kumpulan penuntut2 yang datang melawat Muzium Brunei di-hadapan diarama Kerui di-dalam Dewan Pameran Tiga.



Antara pelawat2 yang suka berkunjung ka-Muzium ia-lah kanak2 yang gemar melihat pameran bahagian binatang2 dan burung2 tempatan. Gambar ini menunjukkan mereka sedang berada di-Dewan Pameran Tiga.



Para penuntut sedang mengikuti penerangan dari sa-orang pegawai Muzium mengenai dengan pameran yang terdapat dalam Dewan Pameran Empat.



Pandangan di-Dewan Besar di-mana kelihatan lukisan mosaik Kampong Ayer dan pelawat2 ketika hendak melawat pameran2 di-Muzium.

Pelawat2 sedang memerhatikan dan membaca label2 mengenai alat2 pertanian yang di-gelar "Petanahan Sanyawa" Alat2 tenun ini terdapat dalam Dewan Pameran Empat.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Kelulusan yang lazim-nya di-perlukan ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan bersamaan yang di-akui.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW 1 — \$1090-1140x40-1300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Duration:

Satu kontrak sa-lama tiga tahun dan pembaharuan kontrak ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembali bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 17hb. Julai, 1972.

SA-BAGAI PEMBANTU PENYELIDEK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Penyelidik di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- a) Pemohon2 mesti-lah sa-kurang2 lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding de-

SA-BAGAI STOREMAN TINGKAT II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Storeman Tingkatan II di-Pejabat Polis, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah terdiri daripada kaum lelaki, berumur antara 18 hingga 25 tahun dan mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran serta faham menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris. Chalun2 mesti-lah mahir dalam kerja2 setor dan card index System. Kebolehan menaip ada-lah perlu. Mempunyai pengetahuan sa-banyak sedikit mengenai alat2 letrik dan radio merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2-3 EB 4 — \$290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SA-BAGAI TALIGRAP OPERATOR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Taligrap Operator di-Jabatan Talikom, Brunei yang mana tugas permulaan-nya ada-lah di-kawasan Kuala Belait — Seria.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris satu yang sebanding dengan-nya. Hanya pemohon2 yang faham bertutor dalam bahasa Melayu dan Inggeris

ngan-nya dan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu.

- b) Mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 penyelidikan Bahasa dan Sastera Melayu serta boleh membaca dan menulis Jawi.

Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. Jun, 1972.

akan di-pertimbangkan.

Umor di-antara 17 hingga 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 1hb. Julai, 1972.

Sa-bagai

Penyelenggara

Setor Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan setor letrik. Kebolehan menaip ada-lah perlu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 4 — \$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 27hb. Jun, 1972.

oleh: m. sallah ibrahim **SI-TUYU**



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 21/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd. Aliddin bin Abd. Ghani, d/a SMM/SMJA, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Abd. Ghani bin Said yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 22/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Yungong bte. Limbog, d/a Kampong Bukit Udal, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Limbog bin Binsang @ Limbog

yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 23/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Belanj bin Timbang, d/a Kampong Kebia, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Timbang bin Ninggal yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

daki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 24/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Ramlah anak Dagang, d/a Kampong Kebia, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Asa binte Timbang yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 25/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Yassin bin Burut, d/a Kampong Sinaut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sainah bte. Tamit yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 26/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Seia bin Hitam @ Yahya, d/a Kampong Bukit Panggal, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hitam bin Penglima Pekasa @ Sitam yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 27/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohammad Juani bin Lagong, d/a Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lagong bin Arsat @ Agong yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 22 haribulan Jun, 1972 jam pukul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbincangan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 8 haribulan Jun, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

Ahli2 baru Persatuan Judo / Karate

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Judo/Karate Amator Negeri Brunei dalam meshuarat agong-nya di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan telah memilih semula Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran

ran Haji Rajid sa-bagai Yang Di-Pertua.

Lain2 pegawai yang di-pilih untuk memegang jawatan bagi tahun ini — Awang Hussin bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Awang Selamat Munap sa-bagai Naib Yang Di-Pertua.

Setia Usaha — Awang Haji Kasim Mudzaffar; Penolong Setia Usaha — Awang Chua Phan Siong; Bendahara Kehormat — Awang C.O. Mah dan penolong-nya — Awang Chong Yaw Pah.

Setia Usaha Sosial — Eli N. Bontiang.

Ahli2 Jawatankuasa — Awang Liouss Lim, Awang George Tan, Awang Goh Kang dan Awang V.B. Rajaratnam.

Awang Zainal Ladi di-lantek sa-bagai Penolong Juru Lateh.

Pejabat2 pindah

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Beberapa buah jabatan kerajaan di-Daerah Temburong telah berpindah ka-bangunan2 lain di-kawasan tambahan Pekan Bangar menyeberangi Sungai Temburong.

Jabatan Pertanian berpindah ka-bangunan bekas pejabat Scott Wilson, Kirkpatrick dan Rakan; Pejabat2 Ugama, Kehutanan, Imigresen; Kerja Raya dan Letrik di-tempatkan di-bangunan yang dulu-nya di-gunakan oleh Sharikat Gammon South East Asia Berhad, dan Jabatan Pelajaran juga akan berpindah ka-bangunan yang sama dalam sedikit masa lagi.

Sementara itu, beberapa buah rumah, juga telah di-serahkan oleh Sharikat Gammon kepada kerajaan, dan sa-bilangan pegawai kerajaan sudah pun menduduki rumah2 itu.

GAMBAR kanan menunjukkan satu rombongan 12 orang pengakap laut Venture yang telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu di-Sabah baru2 ini.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Abdul Kadir bin Sheikh Haji Yahya itu juga telah mengadakan lawatan ka-beberapa tempat yang menarik di-Kota Kinabalu. Rombongan itu telah pulang ka-Brunei pada hari Khamis lepas.



PERADUAN MEMUKUL GULINTANGAN ANJORAN M. B. B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei — M.B.B. akan menganjorkan Peraduan Memukul Gulintangan — Tangan bersempena menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, mukim2, kampong2, kumpulan atau orang2 perseorangan. Nama2 persatuan atau kumpulan hendak-lah di-nyatakan apabila mendaftar.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bahagian perseorangan dan berpasukan.

Peserta perseorangan akan di-kehendaki memalu gulintangan sa-

banyak tiga jenis pukulan yang tidak kurang dari dua minit tiap2 sa-buah lagu. Sementara peserta2 berpasukan akan di-kehendaki memalu semua alat2 permainan sabanyak tiga jenis pukulan dan tiap2 sa-buah lagu hendak-lah mengambil masa tidak kurang dari tiga minit.

Nama2 lagu hendak-lah di-nyatakan sa-waktu mendaftar.

Alat2 permainan, seperti gulintangan, chanang, tawak2 dan lain2 akan di-sediakan. Peserta ada-lah di-kehendaki menggunakan alat2 ini dan mereka ada-lah sama sekali tidak di-benarkan membawa alat2 mereka sendiri.

Peserta2 hendak-lah memakai pakaian kebangsaan Melayu samasa mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Borang masok bertanding boleh di-dapati dari Awang Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Muzium Brunei; Awang Abdul Rahman bin Mohd. Yusof, S.M. Lela Menchanai dan Awang Mahmud bin Pengarah Haji Bakar, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada mereka tidak lewat dari 10hb. Julai, 1972.

Perarakan Kenaikan Laut dan berchuchul di-Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Perarakan Kenaikan Laut dan Berchuchul Rumah2 di-Kampong Ayer akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-26 tahun.

Peraduan Perarakan Kenaikan Laut ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2 dan orang perseorangan di-Daerah Brunei-Muara.

Sementara peraduan berchuchul rumah2 di-Kampong Ayer ada-lah terbuka kepada penduduk2 di-kawasan Kampong Ayer. Peserta2 boleh menggunakan lampu2 minyak, lampu gas, lampu elektrik dan janakuara letrik sendiri.

Pemenang2 dalam peraduan2 ini akan di-hadiahkan dengan wang tunai.

Borang2 masok bertanding boleh di-dapati dari Pengerusi Peraduan, Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar, di-Pejabat Setor dan Pejabatan Negara, Bahagian Workshop dan Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Penchen.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan kepada mereka tidak lewat dari 12hb. Julai, 1972.



Pertama kali nelayan Brunei perolehi 100 pikul "Bemasa"

MUARA. — Nelayan2 di-Muara dan Bandar Seri Begawan buat pertama kali-nya merasa terperanjat mendapat tangkapan sa-kawan ikan 'Be-

masa' hampir2 100 pikul dalam masa yang singkat dan tiap2 sa-ekor dari ikan2 itu berat-nya antara 40 hingga 50 50 kati.

Ikan tersebut di-tangkap di-satu telok di-Tanjong Pelumpang dekat terusan yang di-benar di-bahagian ayer tuhor di-Muara hari Isnin lalu dengan menggunakan pukut-rantau.

Ikan2 tersebut kemudian-nya di-bawa ka-pasar di-Bandar Seri Begawan dan tempat2 lain untuk di-jual kepada orang ramai dengan harga2 yang sederhana.

Salah sa-orang nelayan yang menangkap ikan itu berkata, musim tedoh sekarang ini ikan banyak di-tangkap di-perayeran Brunei, tetapi mereka belum pernah menangkap ikan 'Bemasa' yang begitu banyak dan besar sa-belum-nya.

Nelayan itu menerangkan, "dari jauh kami memandang sa-tumpok ayer biru dengan riak ayer yang kami percaya sa-kawan ikan rumah di-bahagian ayer tuhor di-telok itu dan dengan chepat kami memalingkan haluan perahu menuju ka-tempat itu sambil membuang pukut mengelilingi kawan ikan itu.

"Apabila kawan ikan itu sudah di-lingkungi pukut dan ternyata ikan itu terlalu besar dan bukan kawan rumah, kami pun segera membuang tiga pukut-rantau yang lain lalu kami pun terjun ka-dalam ayer antara 4 dan 5 kaki dalam-nya dan memukul ikan2 itu satu demi satu untuk di-masokkan ka-dalam perahu dan yang lain-nya di-tarek ka-pantai.

"Fukat pertama sudah ta' dapat di-gunakan lagi dan pukut kedua banyak yang rosak," kata nelayan itu.

Beberapa jawatan kanan telah di-isikan oleh pegawai2 tempatan

(Dari muka 1)

tempatan termasuk dua orang doktor gigi.

Beberapa jawatan kanan juga, tegas beliau, telah pun di-isikan oleh pegawai2 tempatan seperti jawatan2 sister dan beberapa jawatan yang sedang di-jawat sebagai pemangku.

Beliau juga menyatakan bahawa tidak berapa lama lagi kita akan mempunyai rumah2 sakit yang moden dengan di-lengkapi oleh alat2 yang sesuai menurut peredaran zaman.

Rumah2 sakit itu ia-lah Rumah Sakit Besar, Kuala Belait dan rumah sakit di-Tutong yang telah pun siap pembenaan-nya dan sedang menunggu pemasangan alat2 kelengkapan yang mengkehendaki pekerjaan yang teliti.

Kerajaan juga, kata-nya, telah merancang dan juga telah pun membena klinik2 dan kemudahan-

an2 yang bersangkutan dengan kesihatan di-luar bandar untuk kepentingan dan kesenangan penduduk2 kawasan2 itu.

Semua itu, kata-nya, tidak akan dapat di-jalankan jika kita tidak mempunyai kaki-tangan yang mahir dan berpengalaman serta berkecayaan demi untuk menjayakan tugas2 yang di-kehendaki dalam jurusan kesihatan dan perubatan.

Mengenai kesatuan itu pula, Awang Chuchu menyebutkan tentang beberapa perjumpaan pegawai2 kesatuan dan pehak jabatan itu yang di-sifatkan beliau sebagai yang berfaedah bagi kedua2 belah pihak.

Beliau juga menyatakan bahawa jabatan Perubatan dan Kesihatan ada-lah memberikan keutamaan bagi kebajikan dan kemajuan untuk pegawai2 dan pekerja2-nya.

"Dengan ada-nya kerjasama yang di-berikan oleh kita semua, maka perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk kepentingan rakyat akan berialan dengan lancar-nya", jelas beliau.

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua Kesatuan itu, Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin dalam ucapan-nya antara lain telah menyatakan gerakan2 yang telah di-buat oleh kesatuan itu yang berdasarkan kepada undang2 kesatuan.

Beliau juga menyeru ahli2 kesatuan dan kaki-tangan jabatan itu supaya menjalankan tugas2 mereka dengan penoh rasa tanggungjawab dan tidak akan membiarkan pembawaan2 bagi kepentingan diri sendiri serta mengambil kesempatan dari keadaan yang ada sekarang.

Beliau juga mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang di-berikan oleh ahli2 kesatuan itu terhadap beliau demi untuk menjayakan gerakan2 kesatuan itu sama-lama ini.

Pergerakan K.S.P.J.P.K. di-puji

(Dari Muka 1)

Beliau yakin bahawa perkara itu akan memudahkan lagi bagi mereka untuk memasoki lapangan2 pekerjaan di-sharikat2 perniagaan dan perusahaan atau dengan Kerajaan jika di-kehendaki.

Menyebut mengenai Kesatuan Sekerja Jabatan Perubatan dan Kesihatan itu, Pesuruhjaya Buroh itu menekankan rasa puas hati beliau atas kejayaan2 pergerakan-nya yang mematohi kehendak undang2.

Beliau juga menekankan kebanggaan-nya yang kesatuan itu sekarang ini telah berjaya menambatkan jumlah kewangan-nya dan kedudukan ahli2-nya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan kesatuan itu supaya ber-

gerak lebih chergas lagi bagi menambahkan kewangan itu seperti mengadakan Iktisad untuk ahli2 kesatuan atau menanam modal dengan chara memasoki saham2.

Di-samping menyeru kesatuan itu supaya menggunakan kewangan mereka pada perkara2 yang mendatangkan faedah, beliau juga menyeru atas perkhidmatan2-nya yang chemerlang dengan penoh rasa tanggungjawab sa-bagai sa-buah kesatuan yang aktif dan progresif.

Beliau berharap bahawa pergerakan2 saterus-nya tidak hanya di-tujukan bagi faedah2 meninggikan taraf ahli2-nya yang berasaskan undang2 kesatuan, tetapi juga bagi menambahkan lagi imej Negeri Brunei dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.